

PM tegur swasta supaya tidak ghairah bina bangunan sendiri

KUALA LUMPUR 18 Ogos - Perdana Menteri, Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad malam tadi menegur pihak swasta supaya tidak terlalu ghairah mendirikan bangunan-bangunan sendiri walaupun pembinaannya itu membuktikan kejayaan negara dalam ekonomi.

Katanya, keghairahan tersebut hanya akan menimbulkan berbagai masalah seperti ketiadaan penyewa-penyewa.

Beliau membuat teguran tersebut semasa merasmikan bangunan Plaza BMF (Borneo Malaysia Finance) setinggi 23 tingkat yang menelan belanja \$46 juta di sini.

Perdana Menteri menegaskan, pihak berkenaan sebaliknya hendaklah memberikan penekanan kepada usaha pengindahan bangunan, selaras dengan matlamat kerajaan yang ingin menjadikan ibu negara sebagai bandaraya taman.

Datuk Sri Dr. Mahathir berkata, para pemaju kini sedar akan pentingnya menghias bangunan dengan tanaman pokok-pokok.

"Sebenarnya, menghias bangunan bukan sahaja menguntungkan mereka tetapi juga mungkin boleh mendapatkan sewa yang tinggi," katanya.

Perdana Menteri juga menyeru rakyat, khususnya yang tinggal di Kuala Lumpur supaya mengeluarkan sedikit perbelanjaan untuk menghias persekitaran rumah mereka supaya kelihatan cantik dan menarik.

Mengenai institusi kewangan, Perdana Menteri berkata ia penting bagi sesebuah negara yang ingin mencapai kemajuan.

Beliau berharap pihak pengurusan dan yang terlibat dengannya bertanggungjawab dan sedar dengan kepercayaan yang diberikan oleh orang ramai kepada mereka.